

18 JUN 1996

MELAKA AKAN BATAL PROJEK PEMBANGUNAN JEJAS ALAM SEKITAR

MELAKA, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan Melaka akan memberhentikan sebarang projek pembangunan yang didapati menjejaskan mutu alam sekitar, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Beliau berkata kerajaan negeri akan sentiasa mendapatkan laporan dan perakuan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai kesan sesuatu projek terhadap alam sekitar.

"Kita memberi penekanan terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan pencegahan pencemaran, sejajar dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua projek pembangunan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas melancarkan penjualan keahlian sebuah kelab golf di Gapam di sini.

Mohd Zin berkata permohonan beberapa projek pembangunan di Melaka sekarang bergantung kepada perakuan JAS.

"Kerajaan negeri hanya akan memberikan kelulusan apabila jabatan itu memberikan perakuan dan sokongan bahawa projek terbabit tidak menjejaskan alam sekitar," katanya.

Mohd Zin berkata permohonan itu termasuk cadangan pembinaan padang golf.

Melaka sekarang mempunyai enam padang golf.

Beliau berkata projek yang mendapat kelulusan tidak terkecuali daripada tindakan jika JAS melaporkan pelaksanaan projek itu tidak mengikut peraturan dan menjejaskan alam sekitar.

Kerajaan negeri akan mengutamakan permohonan bagi projek-projek pembangunan yang membabitkan penyediaan rumah dan projek perindustrian.

Mengulas cadangan Kementerian Pertanian supaya kerajaan-kerajaan negeriewartakan kawasan tertentu sebagai tanah pertanian kekal, beliau berkata langkah itu tidak praktikal di Melaka.

Beliau berkata kerajaan negeri hanya telahewartakan beberapa kawasan hutan sebagai hutan simpan tetap dan kawasan tadahan air di daerah Alor Gajah dan Jasin.

"Keluasan Melaka terhad dan penggunaan tanah bagi pertanian semakin berkurangan kerana tumpuan kegiatan ekonomi yang beralih kepada industri dan pelancongan," katanya.

Mohd Zin berkata 800 hektar tanah pertanian di seluruh negeri didapati terbiar dan kerajaan negeri telah menggesa pemilik supaya mengusahakan tanah itu. --BERNAMA

MOZ MAI